

Keunggulan Ketenteraan ‘Uthmaniyyah: Penerapan dan Pemantapan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bidang Sejarah dan Tamadun Islam di Fakulti Pengajian Islam, UKM

Kod Projek: PTS-2011-106

^{1,2}Ezad Azraai Jamsari (Ketua Projek), ¹Azmul Fahimi Kamaruzaman,
^{1,2}Ermy Azziaty Rozali, ¹Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad & ^{1,2}Wan Kamal Mujani

¹Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

²Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Sejak zaman Nabi Muhammad (s.a.w.) hingga zaman ‘Uthmani, ketenteraan Islam telah memperlihatkan kredibiliti mereka dalam menunjangi sesebuah pemerintahan. Ini dapat dilihat dalam kelangsungan beberapa buah kerajaan atau pemerintahan Islam semenjak era Nabawi dan Khulafa’ al-Rashidin, dan ini berlanjutan pada era Umawi, ‘Abbasi, Andalus, Ayyubi, Mamluki dan ‘Uthmani, yang dapat bertahan selama beberapa abad lamanya. Tentera Islam berjaya mempertahankan dan meluaskan wilayah pemerintahan Islam di pelbagai benua seperti di Asia Barat, Asia Tengah, Asia Selatan, Eropah serta Afrika Utara. Disiplin ‘sejarah ketenteraan Islam’ (SAKTI) mencatat dan merekodkan kehebatan dan keunggulan umat Islam dari aspek ketenteraan darat dan ketenteraan laut, yang kemudiannya berkembang kepada aspek ketenteraan udara (era ‘Uthmani). Ini menunjukkan mereka memiliki kebolehan dari segi spiritual dan material bagi mempertahankan kedudukan dan kedaulatan wilayah pemerintahan Islam itu sendiri.

Perbahasan dan kupasan mendalam berkaitan SAKTI era ‘Uthmani telah dilakukan oleh pelbagai sarjana dan ilmuwan kontemporari seperti Aksan (2007), Nafziger dan Walton (2003), Nicolle (1995 & 2007), Shaw (1977), Babinger (1978), Brummett (1994) dan Inalcik (1993). Misalnya, Aksan (2007) memaparkan kajian ketenteraan ‘Uthmani dari aspek pertahanan, strategi, pengkaderan *janissaries*, pembaharuan ketenteraan ala-Barat (*nizam-i jedid*) dan penglibatan dalam perang dengan pihak Barat. Sementara itu, Babinger (1978) turut menonjolkan kewibawaan Sultan Muhammad al-Fatih sebagai seorang panglima angkatan tentera yang amat masyhur dan disegani musuh dan lawan. Malah penelitian para pengkaji kontemporari seperti McCharty (1997) membuktikan bahawa ketenteraan ‘Uthmaniyyah turut melalui beberapa peringkat pembaharuan khasnya pada akhir abad ke-18M dan awal abad ke-19M di bawah pemerintahan Sultan Selim III yang memperkenalkan nagkatan tentera *Nizam-i Cedid* bagi menggantikan golongan *Inkishari* (Janissary) semata-mata demi memperkuatkan kedudukan Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Malah, era ini diklasifikasikan sebagai turning point kepada sistem ketenteraan ‘Uthmaniyyah yang menjalankan usaha pembaharuan ala Barat.

Dari sini dapat dilihat bahawa ‘keunggulan ketenteraan ‘Uthmaniyyah’ merupakan sebahagian daripada disiplin ilmu Sejarah dan Tamadun Islam (STI) yang amat penting dan perlu diketengahkan bagi memantapkan bidang Sejarah Ketenteraan dan Pertahanan Islam di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Sehubungan itu, ‘ketenteraan ‘Uthmaniyyah’ amat relevan untuk diperdalam dan diperhalusi bagi melihat semula peranan dan sumbangan ketenteraan ‘Uthmaniyyah, di samping meninjau bentuk panduan yang boleh diguna pakai dewasa ini dari aspek hierarki ketenteraan, latihan, strategi dan teknik peperangan serta peralatan persenjataan dalam pertempuran. Penyelidikan ini dilakukan dengan memberi penelitian secara holistik terhadap karya-karya primer dan sekunder bagi sejarah ketenteraan era ini, di samping analisis perbandingan dengan dokumen-dokumen lain yang turut menyentuh aspek sejarah dan tamadun Islam era ‘Uthmani tersebut. Kajian ini dapat memperkuatkan aspek pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan khasnya di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI), FPI, UKM dan juga Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), UKM menerusi kepelbagaiannya aktiviti ilmiah (seperti penerbitan, modal insan dan persidangan) bagi memenuhi KPI UKM sebuah Universiti Penyelidikan.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneliti sejarah ketenteraan ‘Uthmaniyyah dari aspek hierarki ketenteraan, latihan, strategi dan teknik peperangan serta peralatan persenjataan dalam pertempuran.
2. Menganalisis kekuatan dan kejayaan tentera ‘Uthmaniyyah dalam mempertahankan dan memperluaskan wilayah pemerintahan Islam.
3. Menganalisis bentuk-bentuk panduan yang boleh diaplikasikan pada masa kini berdasarkan kejayaan tentera ‘Uthmaniyyah.
4. Membentuk dan membangunkan tapak web khusus yang memuatkan segala aspek berkaitan sejarah ketenteraan Islam era ‘Uthmani untuk diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran bidang sejarah dan tamadun Islam di UKM.

METODE KAJIAN

1. Kajian kualitatif (kaedah analisis dokumen, kaedah heurmenetik, kaedah bandingan): merujuk sumber primer dan sekunder berkaitan sejarah ketenteraan ‘Uthmaniyyah.
2. Kaedah temu bual: dengan dengan 10 orang pakar sejarah dan tamadun Islam era ‘Uthmani bagi mendapatkan respon dan pandangan mengenai sejarah ketenteraan ‘Uthmaniyyah, sama ada ketenteraan darat mahupun laut, di samping bentuk pengaplikasiannya dalam sistem ketenteraan dan pertahanan negara.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Buku karangan Virginia H. Aksan, *Ottoman Wars, 1700-1870: An Empire Besieged*. Buku karangan sarjana terkemuka ini diterbitkan pada tahun 2007 oleh Longman. Fokus utama dalam buku ini adalah mengenai siri peperangan yang berlaku sepanjang tahun 1700-1870M. Jika diteliti siri peperangan yang dihadapi Dawlah ‘Uthmaniyyah akhir kurun ke-18M ini, didapati bahawa sistem ketenteraan berubah kepada ala eropah berikutan transformasi yang dibawa oleh pemimpin ketika itu. Selain itu, kajian beliau dalam buku ini juga adalah berkenaan pembaharuan dan perubahan sistem pentadbiran Dawlah

‘Uthmaniyyah dalam era kemajuan Barat. Elemen pembaharuan inilah yang menjadi faktor kepada transformasi ketenteraan ala Eropah yang bermula lewat kurun ke-19M. Selain itu, penulis juga membincangkan tentang Dawlah ‘Uthmaniyyah yang mengalami pemodenan sistem ketenteraan ala barat pada zaman pemerintahan Sultan Selim III dan Sultan Mahmud II. Kajian pembaharuan Sultan Selim III mengenai *Nizam-i Cedid* iaitu *New Order* juga banyak disentuh oleh penulis. Bagaimanapun, terdapat kelompongan dalam buku ini yang kurang menekankan kepada faktor kegagalan pembaharuan tersebut yang akhirnya membawa kepada penggulingan sultan oleh tentera jannisari.

Stanford J. Shaw dalam bukunya *History Of The Ottoman Empire Modern Turkey, Empire of The Gazis: The Rise and Decline of The Ottoman Empire, 1280-1808 (Volume I)* (1976) menerangkan secara terperinci mengenai pelbagai aspek sejarah yang berkaitan dengan Dawlah ‘Uthmaniyyah pada kurun ke-18M dan awal kurun ke-19M. Selain itu, Shaw juga menjelaskan secara ringkas mengenai proses pembaharuan di era Sultan Selim III khususnya bidang ketenteraan. Beliau juga menjelaskan bahawa kegagalan pembaharuan Sultan Selim III yang akhirnya membawa pembunuhan adalah disebabkan oleh tentangan hebat daripada tentera janissari, golongan ulama dan masyarakat tempatan Dawlah ‘Uthmaniyyah. Golongan ini sudah memulakan penentangan semenjak Sultan Selim III menaiki takhta lagi. Hal ini kerana pembaharuan atau transformasi yang dibawa oleh sultan Selim III itu adalah terlalu cepat dan drastik yang membuka ruang kepada kemasukan pengaruh Eropah. Oleh itu, selain takut kedudukan mereka dalam Dawlah ‘Uthmaniyyah tergugat, mereka juga mengkritik dasar kewangan kerajaan yang menyebabkan inflasi yang begitu hebat. Di samping itu, Shaw juga menerangkan serba sedikit pembaharuan dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan sosial. Seterusnya pembaharuan pada zaman berikutnya juga disentuh secara terperinci. Penulisan dalam buku Shaw ini memang meluas dan terperinci tentang Dawlah ‘Uthmaniyyah. Namun begitu, penulisan ini agak kurang menyentuh persoalan keberkesanan pembaharuan tersebut khususnya terhadap umat Islam ‘Uthmaniyyah. Ini kerana setiap pembaharuan atau transformasi pastinya akan meninggalkan kesan samaada kesan positif atau negatif.

Selain itu, *The Ottoman Turks* hasil karya Justin McCarthy yang diterbitkan pada tahun 1997 oleh Longman, membincangkan tentang kronologi berkaitan permulaan kelahiran Dawlah ‘Uthmaniyyah sehingga kepada kemunculan republik Turki. Dalam buku ini terdapat satu bab yang menceritakan tentang zaman pembaharuan mulai tahun 1789M sehingga tahun 1912M. Di mana dalam tempoh tersebut, diceritakan tentang pembaharuan yang dilakukan oleh sultan-sultan Dawlah ‘Uthmaniyyah. Pembaharuan ini merangkumi aspek pemodenan, pembaratan dan pembangunan terutamanya penekana tentang aspek ketenteraan. Bermula dengan zaman Sultan Selim III, pemerintahan beliau dimulakan dengan agenda pengenalan tentera baru atau *New Order* yang diatih dengan sistem ketenteraan ala Eropah. Selain difokuskan kepada pembaharuan ketenteraan, penulisan juga ditekankan tentang pemberontakan masyarakat tempatan terhadap pembaharuan beliau sehingalah membawa kepada penggulingan oleh jannasari. Di samping itu, terdapat bab yang membincangkan tentang kepincangan dan zaman kejatuhan Dawlah ‘Uthmaniyyah.

Penulisan Erik J. Zürcher dalam bukunya *Turkey: A Modern History* (1993) telah membahagikan kajiannya kepada tiga bahagian sahaja. Bahagian pertama merupakan fokus penting bagi kajian ini kerana penulis menerangkan pengaruh Barat dan permulaan usaha pemodenan yang dilakukan, termasuklah usaha pembaharuan ketenteraan yang dilakukan oleh Sultan Selim III sepanjang pemerintahan beliau. Selain itu, penulis buku ini telah

membandingkan dasar tradisional yang dilaksanakan selama ini dan inovasi pembaharuan yang baru dilakukan oleh sultan Dawlah ‘Uthmaniyyah. Di samping itu, terdapat juga bab yang memfokuskan tentang program yang diperkenalkan oleh Sultan Selim III, iaitu the *New Order* ataupun tentera baru yang bertunjangkan ciri ketenteraan Eropah. Kajian mengenai program ini turut dibahaskan. Perbahasan dilakukan terhadap keberkesanan dan kelemahan yang ada pada tentera baru tersebut. Namun begitu, penekanan terhadap faktor kegagalan pembaharuan tersebut kurang dibincangkan dan mungkin terdapat faktor lain yang menjadi penghalangnya.

Sumber seterusnya adalah karya Feroz Ahmad. 2003. *Turkey: The Quest For Identity* terbitan oneworld. Penulisan dalam buku ini banyak memfokuskan tentang revolusi yang berlaku sepanjang pemerintahan Dawlah ‘Uthmaniyyah, terutamanya revolusi pemodenan ketenteraan yang dialami oleh Dawlah ‘Uthmaniyyah, sehingga menjadi Republik Turki. Bahagian kedua pula banyak menekankan tentang pembaharuan yang berlaku pada tahun 1789-1908M, iaitu pada akhir kurun ke-18M dan awal kurun ke-19M. Tempoh zaman pembaharuan tersebut adalah merangkumi zaman Sultan Selim III dan idea pemodenan beliau dalam memperbaikti sistem ketenteraan Dawlah ‘Uthmaniyyah. Ini telah menjadi rujukan dalam menghasilkan penulisan ini. Selain itu, dalam bab ini juga memfokuskan tentang pemodenan ketenteraan Dawlah ‘Uthmaniyyah pada zamn Sultan Mahmud II.

Selain itu, *Istanbul: The Imperial City* karya John Freely dan diterbitkan pada 1996. Penulisan ini memfokuskan kepada tiga bandar utama yang menjadi perebutan antara Dawlah ‘Uthmaniyyah dan Kuasa Barat, iaitu Byzantium, Constantinople dan Istanbul. Selain itu, bab ketiga dalam buku ini menerangkan secara ringkas tentang pembaharuan lewat kurun ke-18 termasuklah pembaharuan Sultan Selim III dan diteruskan pula oleh sultan selepasnya. Disamping itu, aspek atau faktor yang membawa kepada kegagalan sultan Dawlah ‘Uthmaniyyah turut dibincangkan dalam karya ini. Namun begitu, penentangan terhadap pembaharuan juga kurang diberi penekanan, walaupun dinyatakan tentang pembaharuan yang dilakukan tidak berjaya dan mendapat tentangan sengit daripada masyarakat tempatan. Hal ini mungkin menjadikan karya ini mempunyai sedikit kelompongan.

Buku *Osmanni History 1289-1922* merupakan sebuah karya Mehmet Maksudoğlu yang diterbitkan pada tahun 1999. Buku ini merupakan salah satu sumber penting dan perlu digunakan dalam setiap penulisan mengenai Dawlah ‘Uthmaniyyah. Kebanyakan penulisan yang ditulis adalah diambil rujukan dari buku ini. Isi utama buku ini susur galur atau urutan pemerintah Dawlah ‘Uthmaniyyah. Penulis telah menerangkan secara terperinci mengenai setiap pemerintah atau sultan Dawlah ‘Uthmaniyyah. Selain itu, penulis juga telah menyusun secara tertib dan setiap peristiwa penting yang berlaku sepanjang pemerintahan sultan-sultan tersebut. Di samping itu, terdapat juga penerangan tentang usaha dan peristiwa yang berlaku akhirnya membawa kepada perubahan Dawlah ‘Uthmaniyyah. Ini termasuklah pembaharuan yang berlaku pada akhir kurun ke-18M.

Hasil karya Babinger (1978), yang bertajuk *Mehmed the Conqueror and His Time*. Berdasarkan buku ini, Babinger menerangkan mengenai riwayat hidup secara keseluruhan dan terperinci Sultan Muhammad al-Fatih bermula dari kelahiran beliau, sehingga kemangkatan beliau, di samping peristiwa-peristiwa yang berlaku disepanjang pemerintahan beliau. Peristiwa-peristiwa tersebut termasuklah peristiwa perang antara Dawlah ‘Uthmaniyyah dengan kuasa luar. Sumber ini amat membantu penulis dalam mengetahui riwayat hidup, serta perperangan yang berlaku di sepanjang pemerintahan

Sultan Muhammad al-Fatih secara menyeluruh, namun, penulisan Babinger ini mempunyai pandangan-pandangan yang *bias* terhadap Sultan Muhammad al-Fatih.

Sumber seterusnya bertajuk *The Ottoman Centuries: The Rise and Fall of the Turkish Empire*, karya Kinross (1977), juga membincangkan mengenai riwayat hidup secara keseluruhan Sultan Muhammad al-Fatih. Namun begitu, perbincangan yang dibuat tidak secara terperinci, berbanding buku karya Babinger. Hali ini kerana, di dalam buku karya Kinross, perbincangan mengenai Sultan Muhammad al-Fatih dimuatkan sekadar di dalam bahagian kedua dalam buku tersebut. Walau bagaimanapun, karya ini amat membantu penulis dalam mendapatkan maklumat mengenai latar belakang Sultan Muhammad al-Fatih, di samping maklumat-maklumat lain yang tidak dibincangkan oleh Babinger. Di samping itu, sumber rujukan *The Ottoman Turks*, karya McCarthy (1997), beliau juga membincangkan mengenai riwayat hidup dan ketokohan Sultan Muhammad al-Fatih. Beliau juga membincangkan mengenai situasi politik, ekonomi, dan sosial kerajaan ‘Uthmaniyyah pada era pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih. Namun, perbincangan yang dilakukan lebih ringkas dan padat, berbanding buku karya Babinger. Walau bagaimanapun, karya McCarthy (1997) ini membantu penulis untuk memahami secara permukaan mengenai Sultan Muhammad al-Fatih.

Bagi meneliti riwayat hidup Sultan Muhammad al-Fatih secara keseluruhannya, rujukan *Al-Sultan Muhammad al-Fatih*, hasil karya Fahmi (1993), juga membantu dalam mengumpul maklumat mengenai riwayat hidup Sultan Muhammad al-Fatih, serta peristiwa-peristiwa yang berlaku disepanjang kehidupan serta pemerintahan beliau terhadap Dawlah ‘Uthmaniyyah. Walau bagaimanapun, buku ini tidak membincangkan mengenai riwayat hidup Sultan Muhammad al-Fatih secara terperinci. Buku ini merupakan sebuah buku berbahasa Arab. Dalam masa pengumpulan sumber mengenai riwayat hidup Sultan Muhammad al-Fatih, terdapat sebuah sumber yang amat membantu dalam mengetahui susur galur keturunan Muhammad al-Fatih ini, sehingga kepada pengasas kerajaan ‘Uthmaniyyah. Sumber tersebut berjudul *The Structure of the Ottoman Dynasty*, hasil karya Alderson (1956). Di samping menyenaraikan susur galur keturunan Muhammad al-Fatih, terdapat juga beberapa maklumat berguna yang dapat dimanfaatkan di dalam kajian ini, terutama sekali dalam hal ehwal pemerintahan Dawlah ‘Uthmaniyyah.

Bagi mengetahui mengenai peristiwa perang yang berlaku semasa pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih, sumber berjudul *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*, hasil penulisan Inalcik (1973), membincangkan secara ringkas mengenai keadaan politik kerajaan ‘Uthmaniyyah termasuk peperangan yang berlaku bermula daripada pertabalan Sultan Muhammad al-Fatih, hingga peperangan terakhir yang beliau hadapi. Walaupun penerangan yang dilakukan Inalcik ringkas, namun, ianya membantu penulis dalam menyenaraikan peperangan yang berlaku sepanjang pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih. Berdasarkan sumber berjudul *Constantinople 1453: The End of Byzantium*, hasil karya Nicolle (2000) pula, membincangkan mengenai situasi serta strategi perang penaklukan Konstantinople secara bergambar. Melalui sumber rujukan buku ini, ianya memudahkan penulis dalam memahami pelan strategi perang yang disusun oleh Sultan Muhammad al-Fatih.

Berdasarkan sumber rujukan hasil tulisan Doukas (1975), *Decline and Fall of Byzantium to the Ottoman Turks* pula, beliau membincangkan mengenai situasi kerajaan Byzantin diambang kejatuhan, hingga kejatuhan ditangan Sultan Muhammad al-Fatih. Di samping itu, Doukas juga menerangkan mengenai situasi peperangan yang berlaku antara

tentera Byzantin dengan tentera umat Islam. Ini sekaligus membantu penulis untuk mengetahui perihal strategi perang yang digunakan oleh Sultan Muhammad al-Fatih. Namun begitu, dalam sumber rujukan ini, Doukas bersikap *bias* dan memberi pandangan yang negatif terhadap Sultan Muhammad al-Fatih.

Manakala Lewis (1979), dalam buku beliau yang bertajuk, *Islam from the Prophet Muhammad to the Capture of Constantinople*, menerangkan mengenai strategi perang Sultan Muhammad al-Fatih dengan Byzantin, di samping memperkenalkan strategi perang dan taktik peperangan serta senjata-senjata yang digunakan di dalam peperangan bermula daripada abad ke-9 M, hingga abad ke-14 M. Sumber rujukan ini memberi maklumat kepada penulis mengenai strategi perang, serta peralatan perang zaman dahulu, yang sebahagiannya juga digunakan di dalam strategi perang Sultan Muhammad al-Fatih.

Dalam penulisan Afzalur Rahman (1980), beliau pula membincarkan mengenai strategi perang Rasulullah s.a.w. Beliau juga menerangkan tentang beberapa prinsip peperangan moden, serta prinsip peperangan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai perbandingan. Berdasarkan karya Afzalur Rahman ini, yang bertajuk *Muhammad as a Military Leader*, penulis mendapati banyak maklumat berkaitan prinsip serta strategi perang yang seharusnya disusun dalam menghadapi peperangan, bagi menjamin kemenangan. Berdasarkan penulisan disertasi yang dihasilkan oleh Ab. Hamid (2008), yang bertajuk, *Pembukaan Constantinople oleh Sultan Muhammad al-Fatih dan Implikasinya terhadap Eropah*, beliau memfokuskan kepada satu sahaja peperangan yang berlaku semasa pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih. Di samping itu, penulisan ini lebih menumpukan kesan peperangan tersebut terhadap dunia Eropah. Namun begitu, melalui disertasi ini, ianya agak membantu dalam memahami Sultan Muhammad al-Fatih sendiri, serta situasi yang berlaku sebelum peperangan menentang Konstantinople.

Artikel jurnal *The Evolution of the Ottoman Seaborne Empire in the Age of the Oceanic Discoveries, 1453-1525*, iaitu hasil karya Hess (1970), membincangkan mengenai evolusi penggunaan laluan laut yang berlaku pada 1453, iaitu di ambang penaklukan Konstantinople, hingga pada tahun 1525. Artikel ini membantu penulis dalam memberi maklumat mengenai strategi Sultan Muhammad al-Fatih dalam menakluk Konstantinople, melalui penggunaan kapal mengikut jalan laut. Artikel jurnal bertajuk *The Siege of Belgrade by Muhammad II*, hasil penulisan Bain (1892), menerangkan mengenai situasi di ambang peperangan serta keadaan peperangan yang berlaku ketika tentera Sultan Muhammad al-Fatih berusaha untuk menakluk Belgrade. Di dalam peperangan ini, Sultan Muhammad al-Fatih tidak berjaya untuk menakluki negara tersebut. Berdasarkan artikel ini, penulis dapat melakukan perbandingan dan analisa mengenai keberkesanan strategi perang yang dijalankan.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Penerbitan (Buku Suntingan)

1. Ezad Azraai Jamsari (pnyt.). 2012. *Sejarah Ketenteraan ‘Uthmaniyyah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (dalam proses penyediaan dan penerbitan).
2. Ezad Azraai Jamsari (pnyt.). 2012. *Sejarah dan Tamadun Islam Era ‘Uthmani: Ketenteraan, Politik dan Pentadbiran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (dalam proses penyediaan dan penerbitan).

Penerbitan (Jurnal)

1. Ezad Azraai Jamsari & Mohd Yusrizal Mohd Yunus. 2012. Sultan Selim III and *Nizam-i Cedit. Journal of Applied Sciences Research* (Indeks Scopus: dalam proses penyediaan dan penerbitan).
2. Ezad Azraai Jamsari, Ermy Azziaty Rozali & Mohd Yusrizal Mohd Yunus. 2012. Military Administration in the Era of Sultan Selim III. *Advances in Natural and Applied Sciences* (Indeks Scopus: dalam proses penyediaan dan penerbitan).
3. Ezad Azraai Jamsari, Azmul Fahimi Kamaruzaman & Mohd Yusrizal Mohd Yunus. 2012. Ottoman Military Historiography: A Study on *Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahn* by Shaykh Wan Ahmad al-Fatani. *Research Journal of Applied Sciences* (Indeks Scopus: dalam proses penyediaan dan penerbitan).

Penerbitan (Makalah dalam Prosiding)

1. Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Ermy Azziaty Rozali & Mohd Yusrizal Mohd Yunus. 2011. Sejarah ketenteraan ‘Uthmaniyyah dalam kitab *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahn* karya Shaykh Wan Ahmad al-Fatani. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, hlm. 158-166.
2. Ezad Azraai Jamsari, Mohd Zaini Noh & Ermy Azziaty Rozali. 2011. Peranan dan sumbangan Imam Mujadid Sulayman Hilmi dalam Kerajaan ‘Uthmaniyyah pada abad ke-20M. *Prosiding Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam SISTI 2011*, hlm. 174-191.
3. Ezad Azraai Jamsari, Nurulhidayah Jaffar & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. 2011. Institusi dan bentuk pembaharuan ketenteraan ‘Uthmaniyyah. *Prosiding Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam SISTI 2011*, hlm. 192-215.
4. Khairil Afiqah Mohamad Nor, Ezad Azraai Jamsari & Roziah Sidik @ Mat Sidek. 2011. Inovasi ketenteraan dalam tamadun Islam. *Prosiding Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam SISTI 2011*, hlm. 856-867.
5. Mohd Yusrizal Mohd Yunus, Ermy Azziaty Rozali & Ezad Azraai Jamsari. 2011. Sultan Selim III: Pembaharuan ketenteraan Dawlah ‘Uthmaniyyah. *Prosiding Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam SISTI 2011*, hlm. 354-365.

Persidangan/Bengkel

1. Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011). 10 April 2011. Sudut Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM Bangi, Selangor.
2. Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. 25-26 November 2011. Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan.

3. Bengkel Penyediaan dan Pemantapan Artikel Jurnal ISI/SCOPUS. 8 Julai 2011. Residence Hotel at UNITEN, Kajang, Selangor.
4. Bengkel Penilaian dan Pemurnian Artikel Jurnal. 12-14 Disember 2011. The Royale Bintang Resort & Spa, Seremban, Negeri Sembilan.

Modal Insan (Sarjana)

1. Mohd Yusrizal Mohd Yunus. 2012. Pembaharuan bidang ketenteraan Kerajaan ‘Uthmaniyyah pada akhir abad ke-18M dan awal abad ke-19M. Disertasi Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (sedang maju)

Modal Insan (Sarjanamuda)

1. Ahmad Najiy Mat Yusoff. 2012. Perkembangan sistem ekonomi dalam aktiviti ketenteraan Kerajaan ‘Uthmaniyyah: Analisis faktor dan kesan ke atas dunia Islam. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (sedang maju)
2. Ammalina Dalilah Mohd Isa. 2012. Keberkesanan strategi sistem ketenteraan Sultan Muhammad al-Fatih. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (sedang maju)
3. Farid Zulkiflee. 2012. Sejarah dan Tamadun Islam era ‘Uthmani: Satu kajian bibliografi dan anotasi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (sedang maju)

Modal Insan (Pembantu Penyelidik RA/GRA)

1. Anwar Mutaqin (No. K/P: 860612-14-5201)
2. Mohd Yusrizal Mohd Yunus (P57399)

PERBELANJAAN

:: Maklumat Kewangan Penyelidikan								
Kod Penyelidikan : PTS-2011-106 Sehingga Tarikh : 16/03/2012								
		VOTE	Agihan	Tambah / Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja
2011	Disember							
V00000	Miscellaneous	<u>12,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>12,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>12,000.00</u>
V26000	Research Materials & supplies	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>2,699.00</u>	<u>-2,699.00</u>
V29000	Special Services	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>5,945.00</u>	<u>-5,945.00</u>
Jumlah Bagi Tahun : 2011		<u>12,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>12,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>8,644.00</u>	<u>3,356.00</u>
Jumlah Keseluruhan :		<u>12,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>12,000.00</u>	<u>0.00</u>	<u>8,644.00</u>	<u>3,356.00</u>

RUJUKAN

- Ab. Hamid Ali. 2008. Pembukaan Constantinople oleh Sultan Muhammad al-Fatih dan implikasinya terhadap Eropah. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Afzalur Rahman. 1980. *Muhammad as A Military Leader*. London: The Muslim School Trust.
- Aksan, V.H. 2007. *Ottoman wars 1700-1870: An empire besieged*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Alderson, A. D. 1956. *The Structure of the Ottoman Dynasty*. Oxford: Clarendon Press.
- Babinger, F. 1978. *Mehmed the Conqueror and His Time*. New Jersey: Princeton University Press.
- Bain, R. N. 1892. The Siege of Belgrade by Muhammad II, July 1-23, 1456. *The English Historical Review*. 7(26): 235-252.
- Biographical Encyclopaedia of Islam*. 2009. Jil. 13. New Delhi: Anmol Publications Pvt. Ltd.
- Creasy, E. S. 1961. *History of the Ottoman Turks*. Beirut: KHAYATS.
- Davies, S. et al. 2007. Greek, Venice, and Ottoman Empire. *Hesperia Supplements*. 40: 25-31.
- Doukas. 1975. *Decline and Fall of Byzantium to the Ottoman Turks*. Terj. Detroit: Wayne State University Press.
- Ensiklopedia Islam*. 1998. Jil. 7. Malaysia: Malaysian Ecyclopaedia Research Center Berhad.
- Fahmi, 'Abd al-Salam 'Abd al-'Aziz. 1993. *al-Sultan Muhammad al-Fatih*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Fahmy, Aly Mohamed. 1966. *Muslim Sea-power: In the Eastern Mediterranean from the Seventh to the Tenth Century A.D.* Ed. 1. Cairo: National Publication & Printing House.
- Faroqhi, S. 2006. *The Ottoman Empire and the World Around It*. New York: I.B. Tauris & Co Ltd.
- Finkel, C. 2007. *Osman's Dream: The History of the Ottoman Empire*. New York: Basic Books.
- Fisher, S. N. 1941. Civil strife in the Ottoman Empire, 1481-1503. *The Journal of Modern History*. 13(4): 449-466.
- Frazee, C. A. 1983. *Catholics and Sultans: The Church and the Ottoman Empire 1453-1923*. London: Cambridge University Press.
- Hassun, 'Ali. 1994. *Tarikh al-Dawlah al-'Uthmaniyyah wa 'Alaqatuha al-Kharijiyyah*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Hess, A. C. 1970. The evolution of the Ottomen Seaborne empire in the age of the oceanic discoveries, 1453-1525. *The American Historical Review*. 75(7): 1892-1919.
- Hitti, P.K. 1958. *History of the Arabs from the Earliest Times to the Present*. Ed. 6. London: Macmillan and Company Limited.
- Hurewitz, J. C. 1968. Military politics in the Muslim dynastic states, 1400-1750. *Journal of the American Oriental Society*. 88(1): 96-104.
- Inalcik, H. 1973. *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*. New York: Praeger Publishers Inc.
- Inalcik, H. 1996. *An Economic and History of the Ottoman Empire, 1300-1914*. Great Britain: Cambridge University Press.
- Inalcik, Halil. 1978. *The Ottoman Empire Conquest: Organization and Economy*. London: Ashgate Variorum.

- Ismail Manuri & Raja Abdullah Raja Yaacob. 2011. Perception of knowledge creation, knowledge management processes, technology and applications in military organization. *Malaysian Journal of Library & Information Science* 16(1): 73-85.
- Kinross, L. 1977. *The Ottoman Centuries: The Rise and Fall of the Turkish Empire*. London: Jonathan Cape Ltd.
- Kramers, J. H. 2006. Muhammad II. Dlm. *Biographical Encyclopaedia of Islam*, hlm. 767-769. Jil. 3. New Delhi: Cosmo Publications.
- Lewis, B. 1952. The privilege granted by Mehmed II to his physician. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*. 14(3): 550-563.
- Lewis, B. 1979. *Islam from the Prophet Muhammad to the Capture of Constantinople*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Lewis, B. 2000. *The Middle East: 2000 Years of History from the Rise of Christianity to the Present Day*. London: Pheonix Press.
- Mahayudin Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Sejarah Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- McCarthy, J. 1997. *The Ottoman Turks: An Introductory History to 1932*. London: Longman.
- Mitler, L. 1979. The Genoese in Galata: 1453-1682. *International Journal of Middle East Studies*. 10(1): 71-91.
- Nicolle, D. 2000. *Constantinople 1453: The End of Byzantium*. Great Britain: Osprey Publishing.
- Piaw, C. Y. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Raby, J. 1982. A Sultan of paradox: Mehmed the Conqueror as a patron of the arts. *Oxford Art Journal*. 5(1): 3-8.
- al-Salabi, 'Ali Muhammad. 2001. *al-Dawlah al-'Uthmaniyyah*. al-Qahirah: Dar al-Tawzī' wa al-nashr al-Islamiyyah.
- Sicker, M. 2000. *The Islamic World in Ascendancy*. Westport: Praeger Publishers.
- Vucinich, W. S. 1965. *The Ottoman Empire: Its Record and Legacy*. Canada: D. Van Nostrand Company.
- Weir, W. 2007. *50 Military Leaders Who Changed the World*. Franklin Lakes, NJ: The Career Press.
- Zadah, Tashkiri. 1975. *al-Shaqa'iq al-Nu'maniyyah*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.